

NEWS CLIPPING

EVENT	Kemenangan kelima berturut-turut
PUBLICATION	Harian Metro
PAGE/SECTION	Bisnes
DATE	8 October 2019
TIME	

Kemenangan kelima berturut-turut

Kuala Lumpur: 7-Eleven Malaysia mencatatkan kemenangan kelima berturut-turut bagi anugerah Emas dalam kategori runcit di Putra Brand Awards 2019, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Colin Harvey berkata, pihaknya berterima kasih dengan sokongan berterusan pelanggan sehingga menjadikan 7-Eleven sebagai jenama runcit pilihan.

"Kami akan terus memperkenalkan lebih banyak inisiatif yang memfokus kepada kemudahan e-dagang, makanan dan minuman segar serta berkualiti selain program kesetiaan berinovatif.

"Kejayaan syarikat ini adalah hasil daripada hubungan kukuh dengan pelanggan dan ia adalah keutamaan kami.

"Kami bukan saja menawarkan perkhidmatan yang memudahkan tetapi dalam masa sama menjangkau jangkauan pelanggan," katanya dalam kenyataan, semalam.

7-Eleven Malaysia adalah pelopor kedai serbaneka 24 jam di Malaysia dan ketika ini terdapat lebih 2,380 cawangan seluruh negara.

**“
Kejayaan syarikat
adalah hasil
hubungan kukuh
dengan pelanggan
Colin Harvey**”



GOLD

7-Eleven Malaysia mencatatkan kemenangan kelima berturut-turut bagi anugerah Emas di Putra Brand Awards 2019.